

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JUNE 2016

Sokong henti dana kepada Yayasan Kepimpinan Perdana

UM - 24/6/2016

KUALA LUMPUR
23 Jun - Barisan kepimpinan-Pergerakan Pemuda UMNO menyokong penuh desakan supaya kerajaan menghentikan segala bantuan dan dana kepada Yayasan Kepimpinan Perdana yang kini dijadikan platform untuk menjatuhkan Perdana Menteri.

Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan, **Mohd. Razlan Muhammad Rafii** berkata, yayasan itu kini telah disalah guna oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menghentam kerajaan di bawah kepimpinan Najib.

"Kemudahan disediakan menggunakan dana kerajaan tidak seharusnya disalahgunakan untuk memperjuangkan agenda menjatuhkan kepimpinan negara.

"Kami menyokong penuh desakan supaya semua kemudahan diberikan kepada yayasan itu ditarik balik serta-merta," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sementara itu, Exco Pemuda UMNO, **Tengku Zuhri Aziz** yang



RAZLAN



TENGGU ZUHRI



SHEIKH NAFIQ

juga menyokong penuh desakan tersebut turut meminta supaya bekas Perdana Menteri itu melepaskan jawatan sebagai Presiden Kehormat yayasan itu.

"Tindakan beliau secara berterusan mahu mengguling Presiden UMNO dan Perdana Menteri bercanggah dengan realiti dan peraturan demokrasi.

"Dr. Mahathir sepatutnya mengambil langkah terhormat dengan melepaskan jawatan di Yayasan Kepimpinan Perdana kerana telah menyalahgunakannya untuk tujuan politik peribadi dan bukan untuk memenuhi objektif penubuhan yayasan itu," ujarnya.

Seorang lagi Exco Pemuda UMNO, **Sheikh Nafiq Alfirdaus**

berkata, adalah suatu amalan yang tidak sihat apabila sebuah pertubuhan yang sepatutnya menjadi pusat kajian dan institusi pembelajaran berkenaan kepimpinan serta pembangunan negara diperalatkan untuk tujuan politik.

"Sebagai Presiden Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana yang berfungsi menerapkan kesedaran tentang jasa kepimpinan negara terdahulu, adalah amat tidak wajar bagi Dr. Mahathir mempelopori sebuah gerakan untuk menggulingkan Datuk Seri Najib Tun Razak yang dipilih rakyat melalui amalan demokrasi.

"Ini amat bertentangan dengan amalan demokrasi berparlimen yang diguna pakai sejak dari penubuhan negara tercinta ini. "Jangan kerana agenda peribadi, keluhuran prinsip digadaikan, walaupun oleh seorang negarawan yang berjasa dan dihormati," katanya.